

STATEMENT BY YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

14 NOVEMBER 2014

Bibles returned to the Christians

This morning the 351 Bibles that contained the word 'Allah' that were seized earlier this year have been returned to the Association of Churches in Sarawak (ACS) on the occasion of a courtesy call on His Royal Highness Sultan of Selangor by The Most Revd Archbishop Datuk Bolly Lapok, who is the Chairman of ACS and Acting President of the Council of Churches of Malaysia at the Istana Alam Shah, Klang. Archbishop Datuk Bolly Lapok was accompanied by the Secretary Generals respectively of the Association of Churches in Sarawak, Elder Ambrose Linang and of the Council of Churches of Malaysia, Rev. Dr. Herman Shastri.

The event were witnessed by State Secretary, Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi; Dato' Seri Utama Di Raja Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyas Abd Wahid; Chairman of Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato' Setia Haji Mohammad Adzib Mohd Isa; Director of Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaharin Mohd Saad and myself.

Firstly, I want to register the highest appreciation and gratitude to His Royal Highness Sultan of Selangor for his foresight and initiative in seeking the best way to resolve this long standing problem.

All parties concerned in particular the MAIS and the ACS have therefore reached an amicable resolution of the Bible issue through sincere efforts and conviction to respect religious sensitivities of all communities.

I would also like to record my appreciation to the Chairman of MAIS, Dato' Setia Haji Mohammad Adzib Mohd Isa and The Most Revd Archbishop Datuk Bolly Lapok for doing their best to see this matter resolved in the best way possible.

As I have said on many occasions since assuming the position of Dato' Menteri Besar, this administration will pursue all means possible to enhance and foster communal and religious understanding in Selangor. Among other priorities in this regard, I had pledged to have the Bibles returned to the Christians because they belong to them. Now, thanks to the wisdom and foresight of His Royal Highness Sultan of Selangor, this has become a reality.

On this auspicious occasion, it bears repeating the Qur'anic injunction:

"And thus we have made you a just community that you will be witnesses over the people and the Messenger will be a witness over you." (al-Baqara : 143)

Interpreting the above-quoted verse, world renowned Islamic jurist Sheikh Dr. Yusuf al Qardhawi says:

"The Muslim umma is a nation of justice and moderation; it witnesses every deviation from the straight path in this life and in the hereafter."

It should, therefore, be stressed that what we witnessed in this morning's handing over event is the Qur'anic imperatives on justice and moderation being applied in reality.

As I have said before, all parties must respect the status of Islam as the State religion. However, as freedom of religion is enshrined in the Constitution, extremist sentiments, race baiting and religious fanaticism will not be part of the administration of the State of Selangor.

Islam is rahmatan Lil alamin, a blessing for all humanity, and my administration will continue to propagate Islamic teachings and showcase the State of Selangor as exemplary in advocating moderation and justice.

Mohamed Azmin Ali

Dato' Menteri Besar Selangor

KENYATAAN AKHBAR DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

14 NOVEMBER 2014

Kesemua 351 Bible yang mengandungi perkataan 'Allah' yang telah dirampas awal tahun ini telah dipulangkan kepada Pesatuan Gereja - gereja Sarawak (ACS) ketika kunjungan hormat Pengerusi ACS, Most Reved Archbishop Datuk Bolly Lapok kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Istana Alam Shah, Klang pagi ini. Archbishop Datuk Bolly Lapok ditemani oleh Setiausaha Agung ACS Elder Ambrose Linang dan Setiausaha Agung Majlis Gereja Malaysia, Rev Dr. Herman Shastri.

Acara itu turut disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohammed Khusrin Munawi, Dato' Seri Utama Di Raja Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyas Abd Wahid, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato' Setia Haji Mohammad Adzib Mohd Isa dan Pengerusi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Pertamanya, saya mahu mengucapkan penghargaan tertinggi dan kesyukuran kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas pandangan jauh dan inisiatif Baginda dalam mencari cara terbaik untuk menyelesaikan masalah yang telah berlarutan sekian lama.

Semua pihak yang terlibat, terutamanya MAIS dan ACS telahpun mencapai satu penyelesaian yang baik dalam isu Bible ini menerusi usaha ikhlas dan keyakinan untuk menghormati sensitiviti agama dan masyarakat.

Saya turut ingin merakamkan penghargaan kepada Pengerusi MAIS, Dato' Setia Haji Mohammad Adzib Mohd Isa dan Most Revd Archbishop Datuk Bolly Lapok kerana melakukan yang terbaik demi memastikan hal ini diselesaikan dengan cara paling baik sekali.

Seperti yang saya katakan beberapa kali sejak memegang jawatan Dato' Menteri Besar, pentadbiran ini akan mengusahakan pelbagai cara untuk menambak dan memupuk persefahaman kaum dan agama di Selangor. Sebagai salah satu perkara utama dalam usul ini, saya telah berikrar untuk memulangkan Bible

tersebut kepada pihak Kristian kerana ia milik mereka. Kini, terima kasih kerana kebijaksanaan dan pandangan jauh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, ia telah menjadi realiti.

Dalam majlis bertuah ini, ingin saya memetik ayat Al – Quran

"Dan demikianlah kami telah menjadikan kamu satu masyarakat yang adil dan kamu bahawa kamu akan menjadi saksi atas manusia dan Rasul menjadi saksi ke atas kamu." (Al-Baqarah: 143)

Ulama terkenal Sheikh Dr Yusuf al Qardhawi dalam menafsir ayat di atas menyatakan

"Umat Islam adalah sebuah negara yang adil dan sederhana; ia menjadi saksi kepada setiap penyimpangan dari jalan yang lurus di dunia dan di akhirat. "

Oleh itu, harus ditekankan bahawa apa yang kita saksikan dalam penyerahan Bible pagi ini lebih acara adalah pengaplikasian konsep keadilan dan kesederhanaan yang dimaksudkan dalam al-Quran secara realiti.

Seperti yang saya katakan sebelum ini, semua pihak perlu menghormati kedudukan Islam sebagai agama rasmi negeri ini. Walau bagaimanapun, seperti kebebasan beragama termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, sentimen pelampau (extremism), provokasi kaum dan fanatik agama tidak akan menjadi sebahagian daripada pentadbiran Negeri Selangor.

Islam adalah *rahmatan lil alamin* - rahmat untuk semua manusia, dan pentadbiran saya akan terus menyebarkan ajaran Islam dan mempamerkan Negeri Selangor sebagai teladan dalam menyokong kesederhanaan dan keadilan.

Mohamed Azmin Ali

Dato' Menteri Besar Selangor







